BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mac 2019

Inflasi keseluruhan meningkat, mencerminkan terutamanya harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi

Sumbangan kepada inflasi

sumbangan mata peratusan | %, tahun ke tahun



- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 0.2% (Februari: -0.4%) mencerminkan inflasi pengangkutan yang mencatatkan kadar negatif yang menguncup (Mac: -3.0%; Februari: -6.8%). Hal ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak sedunia yang seterusnya mengakibatkan harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi.
- Inflasi dalam kategori lain secara relatif adalah stabil.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras tidak berubah pada 1.6%.

[1]*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perdagangan borong dan runcit meningkat lebih perlahan pada bulan Februari

Sumbangan kepada IOWRT keseluruhan

mata peratusan, tahun ke tahun



- Indeks Perdagangan Borong dan Runcit (*Index of Wholesale and Retail Trade*, IOWRT) bulan Februari meningkat lebih perlahan pada kadar 6.4% (Januari: 7.9%), mencerminkan penurunan menyeluruh di kesemua segmen utama.
- Segmen runcit kekal sebagai pemacu pertumbuhan yang utama, mencerminkan penggunaan isi rumah yang terus kukuh.
- Walau bagaimanapun, pertumbuhan segmen borong terus menurun sejajar dengan aktiviti perkilangan dan perdagangan yang lebih perlahan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembiayaan bersih terus meningkat untuk menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat

%, tahun ke tahun



- Pembiayaan bersih[2] mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.5% pada bulan Mac 2019 (Februari 2019: 5.8%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul mampan pada 4.9% (Februari 2019: 5.0%), manakala pertumbuhan bon korporat terkumpul menjadi sederhana kepada 7.1% (Februari 2019: 7.9%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 4.1% (Februari 2019: 4.3%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam sektor pembinaan; kewangan, insurans, dan perkhidmatan perniagaan, dan harta tanah.
- Pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak 5.3% (Februari 2019: 5.2%).

[2] *Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Bulanan
Mac 2019

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur di tengah-tengah ketidakpastian global

Prestasi Pasaran Kewangan dalam Bulan Mac



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Mac, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan ini turut dialami oleh kebanyakan mata wang serantau (antara 0.5% hingga -1.7%). Susut nilai mata wang ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran ekuiti berikutan sentimen yang lemah dalam kalangan pelabur akibat kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global dan geopolitik dan juga faktor-faktor dalam negeri. Berikutan itu, FBM KLCI merosot sebanyak 3.8%.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 13 mata asas, didorong oleh aliran masuk bukan pemastautin yang berterusan sebanyak RM2.7 bilion ke dalam pasaran bon Kerajaan. Penurunan ini sejajar dengan trend menurun kadar hasil bon kerajaan sedunia berikutan keadaan kewangan global yang semakin baik.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah Kecukupan Modal



- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Hal ini demikian kerana terdapat lebihan penampan modal[3] sebanyak RM154 bilion pada bulan Mac 2019.
- Modal CET-1 suku pertama 2019 meningkat disebabkan terutamanya oleh perolehan tertahan yang bertambah apabila beberapa bank mengambil kira keuntungan tahun kewangan berakhir tahun 2018.

[3] Merujuk modal yang melebihi keperluan jumlah modal minimum iaitu sebanyak 8% daripada aset berwajaran risiko

Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 04/19/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Selasa, 30 April 2018

SOROTAN BULANAN – MAC 2019

Inflasi keseluruhan meningkat, mencerminkan terutamanya harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 0.2% (Februari: -0.4%) mencerminkan inflasi pengangkutan yang mencatatkan kadar negatif yang menguncup (Mac: -3.0%; Februari: -6.8%). Hal ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak sedunia yang seterusnya mengakibatkan harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi.
- Inflasi dalam kategori lain secara relatif adalah stabil.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.6%.

Perdagangan borong dan runcit meningkat lebih perlahan pada bulan Februari

- Indeks Perdagangan Borong dan Runcit *(Index of Wholesale and Retail Trade*, IOWRT) bulan Februari meningkat lebih perlahan pada kadar 6.4% (Januari: 7.9%), mencerminkan penurunan menyeluruh di kesemua segmen utama.
- Segmen runcit kekal sebagai pemacu pertumbuhan yang utama, mencerminkan penggunaan isi rumah yang terus kukuh.
- Walau bagaimanapun, pertumbuhan segmen borong terus menurun sejajar dengan aktiviti perkilangan dan perdagangan yang lebih perlahan.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Pembiayaan bersih terus meningkat untuk menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[2] mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.5% pada bulan Mac 2019 (Februari 2019: 5.8%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul mampan pada 4.9% (Februari 2019: 5.0%), manakala pertumbuhan bon korporat terkumpul menjadi sederhana kepada 7.1% (Februari 2019: 7.9%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 4.1% (Februari 2019: 4.3%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam sektor pembinaan; kewangan, insurans, dan perkhidmatan perniagaan, dan harta tanah.
- Pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak 5.3% (Februari 2019: 5.2%).

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur di tengah-tengah ketidakpastian global

- Pada bulan Mac, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan ini turut dialami oleh kebanyakan mata wang serantau (antara 0.5% hingga -1.7%). Susut nilai mata wang ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran ekuiti berikutan sentimen yang lemah dalam kalangan pelabur akibat kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global dan geopolitik dan juga faktor-faktor dalam negeri. Berikutan itu, FBM KLCI merosot sebanyak 3.8%.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 13 mata asas, didorong oleh aliran masuk bukan pemastautin yang berterusan sebanyak RM2.7 bilion ke dalam pasaran bon Kerajaan. Penurunan ini sejajar dengan trend menurun kadar hasil bon kerajaan sedunia berikutan keadaan kewangan global yang semakin baik.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Hal ini demikian kerana

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

terdapat lebihan penampan modal[3] sebanyak RM154 bilion pada bulan Mac 2019.

- Modal CET-1 suku pertama 2019 meningkat disebabkan terutamanya oleh perolehan tertahan yang bertambah apabila beberapa bank mengambil kira keuntungan tahun kewangan berakhir tahun 2018.

Bank Negara Malaysia
30 April 2019

[3] Merujuk modal yang melebihi keperluan jumlah modal minimum iaitu sebanyak 8% daripada aset berwajaran risiko

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my